

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	9 AUGUST 2016

Najib beri 'signal' kepada Dr. Mahathir

um - 9/8/2016

KUALA LUMPUR 8 Ogos - Ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyentuh pelbagai aspek semalam merupakan 'signal' bahawa beliau akan meneruskan formula pentadbirannya untuk kemajuan negara tanpa tekanan mana-mana pihak termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Pensyarah Kanan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Dr. Samsul Adabi Mamat berkata, ucapan Najib itu jelas menunjukkan ketegasan dan pendiriannya dalam mengemudi UMNO sebagai Presiden dan negara sebagai Perdana Menteri.

Katanya, mesej jelas yang ingin disampaikan dalam ucapan Perdana Menteri semalam adalah bagaimana beliau mahu Dr. Mahathir memberi ruang kepadanya dan akur dengan sistem demokrasi di dalam parti mahupun negara yang memilihnya sebagai ketua.

"Najib percaya sokongan rakyat masih kuat kepada be-

liau dan UMNO. Ini kerana walaupun Dr. Mahathir telah membuat serangan politik bertubi-tubi selama hampir dua tahun terhadap beliau, semua pilihan raya kecil sebelum ini berjaya dimenangi dengan majoriti besar.

"Apa yang bagus, cara beliau mengendalikan tekanan, asakan dan tuduhan yang dilemparkan dengan tidak melatah dan sentiasa tenang menunjukkan daya kepimpinan yang tinggi," katanya di sini hari ini.

Sementara itu, Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia, Prof. Madya P. Sivamurugan berkata, Najib turut ingin menyampaikan

mesej supaya ahli UMNO fokus dan kembali kepada asas perjuangan parti.

"Beliau sedar krisis yang berlaku di dalam parti bakal memberi gambaran tidak baik terhadap kestabilan parti yang boleh melunturkan kepercayaan rakyat pada parti," katanya.



SAMSUL ADABI MAMAT



P. SIVAMURUGAN